

Insentif menanti atlet USIM cemerlang

SEREMBAN 9 April - Atlet Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berjaya mengharumkan nama universiti ataupun negara dalam bidang sukan yang diceburi bakal menerima insentif khas daripada pihak universiti.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, insentif sukan itu bertujuan untuk dijadikan dorongan serta sokongan kepada atlet yang cemerlang berusaha lebih gigih.

"Pihak universiti akan memberi insentif dalam bentuk pengecualian yuran bagi atlet USIM yang berjaya mengharumkan nama universiti dan negara.

"Malah insentif lain turut menanti mereka yang cemerlang ini kelak, usaha ini adalah sebagai galakan sekali gus menarik minat lebih ramai penuntut untuk berjaya dalam bidang sukan," katanya dalam ucapan di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dalam majlis pembukaan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (Sufa) 2013, di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM, Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Tambah Asma, pihak universiti amat berharap agar warga USIM di semua peringkat turut memberi sokongan terhadap para atlet untuk menempa kejayaan di peringkat lebih tinggi.

Penganjuran Sufa 2013 telah disertai oleh lapan fakulti termasuk Pusat Tamhidi yang mempertandingkan sebanyak 14 acara.

Para atlet Sufa yang berpotensi akan dipilih untuk mewakili USIM dalam penganjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (Sukipt).